



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

BULAN KAUNSELING KEBANGSAAN 2023 “MINDA MADANI, MASYARAKAT HARMONI” BUDAYAKAN PERKHIDMATAN KAUNSELING KEPADA MASYARAKAT

PUTRAJAYA, 9 OKTOBER- YB Datuk Hajah Aiman Athirah Binti Sabu, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah merasmikan sambutan Bulan Kaunseling Kebangsaan 2023 di Putrajaya hari ini.

‘MINDA MADANI MASYARAKAT HARMONI’ adalah tema sambutan pada tahun ini selaras dengan agenda nasional bagi menjadikan Malaysia sebagai negara mampan, sejahtera, berdaya cipta, saling menghormati serta bersikap ihsan berdasarkan keyakinan antara satu sama lain. Ini selari dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan perkhidmatan kaunseling profesional yang membawa kepada kehidupan yang harmoni.

Objektif pelaksanaan Bulan kaunseling Kebangsaan adalah untuk mengiktiraf peranan kaunselor berdaftar dalam memberikan perkhidmatan kaunseling profesional di samping memberikan tumpuan kepada peranan kaunselor dalam menangani isu semasa, membudayakan perkhidmatan kaunseling kepada masyarakat, meningkatkan aksesibiliti perkhidmatan kaunseling kepada masyarakat dan mempromosikan perkhidmatan

kaunseling dan profesion kaunselor sebagai tunjang kesejahteraan masyarakat

Sempena Sambutan Bulan Kaunseling Kebangsaan 2023, pelbagai program akan dilaksanakan oleh Kementerian /Jabatan dan Agensi serta NGO yang mengendalikan perkhidmatan kaunseling untuk semua peringkat masyarakat. Dengan adanya pelbagai program dan kefahaman tentang perkhidmatan kaunseling diharapkan kesejahteraan dan kesihatan mental rakyat Malaysia sentiasa di tahap yang stabil.

Majlis ini telah dihadiri oleh 300 peserta terdiri daripada kaunselor berdaftar, wakil-wakil Kementerian /Jabatan dan Agensi serta NGO antaranya PERKAMA International (Persatuan Kaunseling Malaysia), Persatuan Kaunselor Pendidikan Malaysia (PEKA), Majlis Guru Kaunseling Kebangsaan (MGKK), Persatuan Kaunselor Pendidikan MARA(PEKAMARA) dan gabungan-gabungan persatuan kaunseling yang lain.

####

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
9 OKTOBER 2023**